

Komponen BN mesti terus bekerjasama: PM

BH - 20/2/2007

Kemantapan ekonomi landasan terbaik laksana pembangunan

Oleh Fazli Abdullah, Faiza Zainudin dan Hassan Omar

G EORGETOWN: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) diingatkan terus bekerjasama dan muafakat bagi meneruskan agenda pembangunan negara dan mengelak perselisihan yang boleh menimbulkan masalah lebih besar, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kerja kita masih banyak, teruskan muafakat dan jangan gaduh... gaduh senang, (apabila) rosak payah nak baik. Kerjasama akan membolehkan negara maju dan berjaya," katanya pada majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Gerakan dan MCA negeri di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) di sini, semalam.

Terdahulu, dalam ucapannya di Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang (DPCPP) di sini, Perdana Menteri mahu rakyat bertolak ansur dan tidak terlalu meminta.

Katanya, sikap rakyat yang saling memahami dan komited dapat membantu kerajaan memastikan matlamat negara mencapai negara maju pada 2020 tercapai.

"Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, prihatin dan adil kerajaan akan memastikan apa yang di-

janjikan, dilaksanakan sebaik mungkin. Bila kita maju, orang mahu lebih banyak, aspirasi lagi tinggi, itu manusia, tetapi kita mesti adil, bekerja kuat dan bertoleransi. Minta yang patut-patut, jangan lebih sangat," katanya.

Sementara itu, Chan yang juga Timbalan Presiden MCA berkata, partinya akan terus memberi sokongan kepada Koh yang mengetuai Kerajaan Pulau Pinang.

Katanya, sokongan padu bukan saja melancarkan program pembangunan kerajaan, tetapi memastikan BN terus kekal selama-lamanya di negeri ini.

“Sebagai kerajaan bertanggungjawab, prihatin dan adil kerajaan akan memastikan apa yang dijanjikan, dilaksanakan sebaik mungkin”

Abdullah Ahmad Badawi
Presiden Umno

"Kerjasama antara komponen BN adalah amat penting bagi mengekalkan kestabilan politik di negara ini," katanya.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, kemantapan ekonomi negara sekarang menyediakan landasan paling baik untuk BN melaksanakan pelbagai projek pembangunan untuk rakyat dan bukan semata-mata untuk menghadapi pilihan raya, kata Abdullah pada sidang media selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Parti Gerakan di Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM), di Cheras di sini, kelmarin.

Beliau berkata, BN ditubuhkan bukan hanya untuk menghadapi pilihan raya, sebaliknya melaksanakan pembangunan berterusan yang turut diperkukuh menerusi usaha menambah nilai demi kesejahteraan rakyat.

"Kita bukan kerajaan untuk pilihan raya. Kita tubuhkan kerajaan untuk membangunkan negara supaya negara dapat dimajukan lagi.

"Kita hendak menambah nilai kepada kemajuan kita capai, dalam kehidupan rakyat, hasil kerja dan mengukuhkan daya saing. Inilah yang kita jadikan matlamat kerja kita," katanya.

Terdahulu, Abdullah yang juga Pengerusi BN dan Timbalannya, Datuk

Seri Najib Razak menghadiri majlis sama anjuran MCA di ibu pejabat MCA di Jalan Ampang, di sini.

Abdullah berkata, dengan momentum ekonomi semasa negara, amat penting untuk BN memfokuskan usaha meningkatkan kemajuan negara, selain memberi perhatian kepada usaha meningkatkan sistem penyampaian kerajaan.

"BN ada peluang cukup baik meneruskan dengan lebih aktif pembangunan ekonomi negara. Yang penting sekarang kita lihat sudah ada momentum. Ekonomi kita bergerak ke depan dan ke atas.

"Penting untuk kita bekerja lebih fokus lagi. Gerakan kita dapat ditambah. Perhatian kita terhadap perkara ini. Kita mahu memajukan ekonomi dan kemajuan rakyat," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, beliau sedia mendengar pandangan pemimpin Cuepacs berhubung tuntutan kenaikan gaji kakitangan awam, usia bersara pada 60 tahun, membantah cadangan skim Faedah Pencen Bercarum (FPB), penolakan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan menambah jumlah kakitangan awam dalam perjumpaan khas, 6 Mac ini.

"Nantilah dulu, biar saya jumpa dulu. Dengar dulu. Saya bersedia jumpa mereka," katanya.